

Politik makin stabil pulihkan kepercayaan rakyat

Kerajaan diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam tempoh setahun lalu terbukti melakar landskap politik baharu dan memulihkan kepercayaan rakyat kepada prinsip demokrasi.

Ahli Parlimen Tambun itu memegang tampuk kuasa tatkala politik tanah air dalam ketidaktentuan berikutan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) menyaksikan tiada gabungan politik mendapat jumlah kerusi majoriti bagi membentuk kerajaan.

Kebijaksanaan Anwar memimpin Pakatan Harapan (PH) meyakinkan Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) untuk menyertai Kerajaan Perpaduan, sekali gus membawa kestabilan dan meredakan suhu politik.

Pensyarah Kanan Sains Politik Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mujibu Abu Muis, berkata Perdana Menteri memimpin kerajaan Persekutuan tanpa tekanan politik keterlaluan mahupun isu berisiko mengganggu gugat pentadbiran.

“Kejayaan Anwar mengembalikan kestabilan politik bukan sahaja penting dalam meningkatkan keupayaan kerajaan membawa lebih banyak kebaikan kepada negara, malah turut memulihkan kepercayaan rakyat kepada sistem demokrasi sebelum ini dianggap tenat,” katanya.

Mewarisi tampuk kepimpinan susulan gelora

politik pasca-PRU14 menyaksikan negara dipimpin tiga Perdana Menteri berbeza, Pengerusi PH itu awalnya berhadapan tugas sukar hingga ramai pemerhati politik, penganalisis dan pemimpin politik meramalkan kerajaan cuma akan bertahan tiga atau empat bulan sahaja sebelum tenggelam di badai ‘gelombang hijau’ dibawa Perikatan Nasional (PN).

“Kerajaan pasca-PRU14 sentiasa dalam keadaan ragu-ragu mengenai keabsahan mereka. Kini, ragam politik tanpa henti itu tidak berlaku di bawah Anwar yang ada sokongan kuat di Parlimen, jadi boleh fokus sepenuhnya pada pembangunan negara,” katanya.

Sementara itu, Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Azmi Hassan, berkata Anwar berjaya ‘menggilap semula’ nama negara di persada antarabangsa menerusi ucapan pada pelbagai persidangan antarabangsa mendapat perhatian dunia kerana ketegasan dan kelantangan membela nasib dan hak rakyat Palestin ekoran konflik di Gaza.

“Perdana Menteri tanpa teks, itulah Anwar,” katanya sambil menggambarkan setiap ucapan pemimpin nombor satu negara itu lebih telus menzahirkan apa dirasakan daripada hatinya hingga acap kali mencuri tumpuan hadirin.

Dengan optik segar, dinamik dan serba baharu dipamerkan Anwar, Azmi berkata, tidak mustahil Kerajaan Perpaduan semakin matang dan kukuh,

mendapat sokongan lebih ramai ahli Parlimen pembangkang.

Dalam pada itu, langkah Anwar melantik dua Timbalan Perdana Menteri yang dianggap sebagai gerak catur politik oleh sesetengah pihak, dilihat dari perspektif berbeza oleh Felo Kanan Majlis Profesor Negara Datuk Dr Jeniri Amir.

Jeniri berpendapat pelantikan Ketua Whip GPS, Datuk Seri Fadillah Yusof melakar sejarah dalam mengukuhkan hubungan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung dalam pembentukan Malaysia.

Anwar katanya dalam tempoh singkat membawa perkembangan baik dalam aspek Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), sesuatu gagal direalisasikan pemimpin terdahulu.

“Beliau tunjuk komitmen paling jelas dalam soal MA63 ini, ada yang selesai, ada dalam perbincangan dan ini sangat bagus, malah dalam Belanjawan 2024 peruntukan besar bagi Sabah dan Sarawak, selain peruntukan interim. Ini untuk kurangkan kesenjangan pembangunan, bukan sahaja antara bandar dan luar bandar di dua wilayah ini, malah dengan Semenanjung.

“Anwar betul-betul tekad mahu rapatkan jurang itu termasuk jurang politik, infrastruktur, pendidikan, sosial dan ekonomi serta budaya ke arah integrasi lebih mantap bagi memungkinkannya nilai MADANI itu dapat direalisasikan,” katanya.

BERNAMA